

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah konkrit secara terperinci yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kejatuhan pelaburan langsung asing (FDI) yang turun 56 peratus pada tahun 2020, terutamanya bagi Sabah di mana ekonominya semakin merosot.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dan sentiasa berusaha bagi memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang kompetitif dan mesra perniagaan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat pandemik COVID-19.

Pada tahun 2020, negeri Sabah merupakan penerima pelaburan ke-empat terbesar di Malaysia dalam sektor perkilangan dengan 15 projek diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM12 bilion. Bagi Januari hingga Jun 2021 pula, Sabah telah mencatatkan jumlah pelaburan ketiga tertinggi dalam sektor perkilangan iaitu sebanyak RM4.4 bilion selepas Kedah (RM42.6 bilion) dan Selangor (RM4.6 bilion). Prestasi pelaburan bagi negeri Sabah pada tahun 2020 dan separuh pertama 2021 jelas membuktikan Sabah terus menjadi tarikan pelaburan asing.

Pelbagai inisiatif dan langkah yang telah, sedang dan akan diambil secara proaktif oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi tarikan pelaburan. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) misalnya, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang melibatkan:

- i. Pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasi mereka ke Malaysia ataupun menukuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa; dan
- ii. Elaun Pelaburan Semula (*Reinvestment Allowance atau RA*) tambahan sebanyak 60% untuk syarikat sedia ada yang yang telah tamat tempoh RA dan Insentif RA Khas. Insentif ini diberikan untuk syarikat terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian (*assessment year*) 2020 hingga 2022.

Selain itu, langkah-langkah lain yang bertujuan meningkatkan pelaburan baharu dan menarik pelaburan tambahan dalam era pasca COVID-19 termasuklah:

- i. Pembangunan *Portal InvestMalaysia* iaitu platform permohonan berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan secara atas talian kendalian MIDA bagi membantu mempercepat proses permohonan dan pertimbangan projek pelaburan berkaitan;
- ii. Penubuhan PACU atau dengan izin, *Project Acceleration and Coordination Unit* di MIDA bagi menyediakan fasilitasi secara keseluruhan (*end-to-end facilitation*) untuk memastikan semua projek pelaburan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Operasi PACU dilaksanakan melalui sistem interaktif digital, *Implementation Tracking and Monitoring System (ITMS)* yang memantau pelaksanaan projek secara *real-time*, dan membolehkan para pelabur melaporkan status semasa serta berhubung secara *live* dengan pegawai PACU untuk khidmat sokongan, sekiranya diperlukan;
- iii. Penubuhan Pusat Sehenti (*One Stop Centre* atau OSC) di MIDA bagi menilai permohonan oleh pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Inisiatif ini dikendalikan dengan kerjasama wakil-wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI dalam memastikan kesihihan dan status kesihatan pelawat perniagaan sebelum memasuki Malaysia. Semenjak ditubuhkan pada 1 Mac 2021 sehingga 25 Ogos 2021, OSC telah membantu 42 syarikat dengan pelaburan bernilai RM119.1 bilion;
- iv. Penganjuran Misi Perdagangan dan Pelaburan ke negara-negara pengeksport utama modal dan teknologi untuk berkongsi serta menyebarkan maklumat tentang peluang pelaburan dan keadaan ekonomi negara yang terkini. Antara bulan April hingga Julai tahun 2021, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi-agensinya yang berkaitan, telah mengadakan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Republik Korea, Jepun, Arab

Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria dan Republik Turki. Misi-misi ini telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan sebanyak RM35.97 bilion dari pelabur-pelabur yang berminat dengan potensi mewujudkan lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan;

- v. Menjalankan E-Misi Pelaburan Khusus (*E-Specific Project Mission*) bersama pelabur berpotensi di luar dan dalam negara secara *virtual* bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;
- vi. Menandatangani perjanjian persefahaman serta menganjurkan webinar dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa di Malaysia; dan
- vii. Menjalankan *media blitz* bagi mempromosikan Malaysia melalui media antarabangsa termasuk *Bloomberg* dan *The Economist*.

Kerajaan akan terus berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing dan domestik yang berkualiti tinggi ke seluruh negeri di Malaysia yang turut menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat. Usaha ini dapat membantu mempercepatkan pemulihan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.